



الجامعة الإسلامية العالمية ماليزيا  
INTERNATIONAL ISLAMIC UNIVERSITY MALAYSIA  
بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

**TUNTUTAN-TUNTUTAN HAK SELEPAS PEMBUBARAN  
PERKAHWINAN: PERUNTUKANNYA DALAM UNDANG-  
UNDANG KELUARGA ISLAM SELANGOR, 1984 DAN  
ANALISA KESNYA DI MAHKAMAH SYARIAH  
SELANGOR (KUALA SELANGOR)**

**Oleh**

**KAMISAH BINTI SAIEN  
(G9310200)**

**Kulliyah Undang-undang  
Universiti Islam Antarabangsa Malaysia  
Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan**

**Sesi 1993/94**

**TUNTUTAN-TUNTUTAN HAK SELEPAS PEMBUBARAN  
PERKAHWINAN: PERUNTUKANNYA DALAM UNDANG-  
UNDANG KELUARGA ISLAM SELANGOR, 1984 DAN  
ANALISA KESNYA DI MAHKAMAH SYARIAH  
SELANGOR (KUALA SELANGOR)**

**Oleh**

**KAMISAH BINTI SAIEN  
(G9310200)**

**Kertas Projek ini adalah satu latihan ilmiah untuk  
memenuhi sebahagian daripada keperluan Diploma  
Undang-undang dan Pentadbiran Kehakiman Islam**

**Sesi 1993/94**

**Kulliyah Undang-undang  
Universiti Islam Antarabangsa Malaysia  
Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan  
( Mei, 1994)**



## DEDIKASI

Rabbi,  
Ku Syukuri RahmatMu  
Ku Harapkan PetunjukMu

Ayah dan bonda,  
Pengorbanan tiada bandingan  
Pengertian dan dorongan  
Kuharapkan untuk menggapai kejayaan

Abang dan kakak tersayang,  
Doa Kalian kupohonkan  
Restuilah impian adikmu ini

Buat adik-adik tercinta,  
Kemanjaan kalian sering di ingatan  
Kenakalan kalian jadi kenangan  
Moga ketabahan, keriang, kejayaan  
Mewarnai perjalanan hidup kalian.

Buat diri ini,  
Apa yang diimpi  
Bukan semuanya realilti.

DAIJ  
Terima kasih kerana mengajarku  
erti kedewasaan

## ABSTRAK

Pembubaran perkahwinan yang berlaku semakin menunjukkan peningkatan peratus kejadiannya dari tahun ke tahun. Ekoran daripada itu, kes-kes yang berbentuk tuntutan-tuntutan hak selepas pembubaran perkahwinan yang dibawa ke Mahkamah Syariah juga turut meningkat. Pembubaran perkahwinan dan tuntutan-tuntutan hak selepasnya adalah berpandukan peruntukan undang-undang di dalam Undang-undang Keluarga Islam.

Terdapat lima fasal dalam kajian ini. Fasal pertama adalah mengenai bahagian pendahuluan dalam sesuatu kajian iaitu muqaddimah atau pendahuluan, objektif atau tujuan kajian, latar belakang kajian, pemilihan tempat kajian, methodologi kajian, masalah kajian dan definisi tajuk kajian.

Fasal kedua membicarakan mengenai pembubaran perkahwinan, bentuk-bentuk pembubarannya ditinjau dari

sudut pandangan Islam dan peruntukan-peruntukan mengenainya dalam Undang-undang Keluarga Islam. Perbincangan turut dilakukan terhadap faktor-faktor pendorong pembubaran perkahwinan boleh berlaku.

Fasal ketiga pula membincangkan mengenai hak-hak yang boleh dituntut selepas pembubaran perkahwinan. Perbincangan ini ditinjau daripada pandangan Islam dan peruntukan undang-undang mengenainya dalam Undang-undang Keluarga Islam. Perbincangan ini turut diberikan contoh-contoh kes yang berlaku di Mahkamah Syariah.

Fasal keempat adalah mengenai analisa kes tuntutan-tuntutan hak selepas pembubaran perkahwinan di Mahkamah Syariah. Fasal ini adalah mengenai analisa kes-kes di Mahkamah Rendah Syariah Kuala Selangor, iaitu tempat kajian penulis. Peratus setiap tuntutan hak, peratus tuntutan daripada pihak lelaki dan keputusan hakim turut dianalisa dalam bab ini.

Fasal kelima pula adalah sebagai penutup, iaitu kesimpulan dan rumusan hasil daripada kajian yang dilakukan. Beberapa saranan juga cuba diutarakan yang perlu dinilai secara bersama.

## **PENGHARGAAN**

Bersyukur kepada Ilahi, kerana dengan petunjuk, kurnia dan izinNya, penulis dapat menyempurnakan kajian ini walaupun pastinya ada kekurangan. Segala usaha dan ikhtiar yang termampu telah penulis lakukan untuk kesempurnaan kajian ini. Dalam usaha ini ramai pihak-pihak tertentu dan individu yang terlibat telah memberi kerjasama kepada penulis dan segala usaha mereka patut dihargai.

Setinggi-tinggi penghargaan penulis berikan khas untuk penyelia penulis, Ustaz Abdul Wahab Abdul Hamid kerana kerjasama, bimbingan dan nasihat yang beliau berikan kepada penulis untuk menyempurnakan kajian ini. Tanpa tunjuk ajar daripada beliau, penulis pasti menghadapi kesukaran untuk menyempurnakan kajian ini.



Ucapan terima kasih turut ditujukan kepada pihak-pihak yang telah memberi kerjasama dan bantuan kepada penulis, iaitu Hj Mukhyuddin, hakim Mahkamah Rendah Syariah dan Saniah Saroji, Penolong Pendaftar dari Mahkamah Rendah Syariah Kuala Selangor dan kakitangannya yang terlibat. Segala kerjasama yang diberikan amat penulis hargai.

Terima kasih juga kepada para pensyarah Diploma Undang-undang dan Kehakiman Islam, Universiti Islam Antarabangsa yang telah banyak mencurahkan ilmu yang tidak ternilai. Jazakumullah khairan katiran.

Setinggi-tinggi penghargaan juga ditujukan kepada keluarga penulis terutama ayah dan bonda yang terlalu banyak berkorban, memberi dorongan, sokongan dan galakan kepada penulis. Untuk teman-teman seperjuangan dan rakan-rakan sekuliah yang dihormati, terima kasih untuk segala-galanya. WASSALAM.

KAMISAH HJ SAIEN  
Jalan Dato' Hj Sobari  
Kg Bukit Kerayong  
42200 Kapar  
Selangor Darul Ehsan

## KANDUNGAN

	Halaman
Abstrak	i
Penghargaan	iv
Kandungan	vi
Senarai Kes	xi
Senarai Perkataan Ringkasan	xii

## FASAL PERTAMA

1.1	Pendahuluan	1
1.2	Objektif Kajian	4
1.3	Latar Belakang Kajian	5
1.4	Pemilihan Tempat Kajian	6
1.5	Methodologi Kajian	8
1.6	Masalah Kajian	9
1.7	Definisi Tajuk Kajian	11
	Nota Rujukan	14

**FASAL KEDUA**

**PERKAHWINAN DAN PEMBUBARAN PERKAHWINAN MENGIKUT  
PANDANGAN ISLAM DAN PERUNTUKANNYA DALAM  
UNDANG-UNDANG KELUARGA ISLAM, SELANGOR**

2.1	Perkahwinan Dalam Islam	16
2.2	Pembubaran Perkahwinan Mengikut Pandangan Islam	26
2.3	Perkahwinan dan Pembubaran Perkahwinan di dalam Undang-undang Keluarga Islam, Selangor, 1984	42
2.4	Faktor-faktor Berlakunya Pembubaran Perkahwinan	50
	Nota Rujukan	55

**FASAL KETIGA**

**HAK-HAK YANG DITUNTUT SELEPAS PEMBUBARAN PERKAHWINAN  
MENGIKUT PANDANGAN ISLAM DAN PERUNTUKAN  
MENGENAINYA DALAM UNDANG-UNDANG KELUARGA**

3.1	Hak-hak yang Boleh Dituntut Menurut Pandangan Islam Selepas Berlaku Pembubaran Perkahwinan	60
	a) Mut'ah	61
	b) Nafkah	63
	c) Hadhanah	64

3.2 Peruntukan Undang-undang yang Berkaitan dengan Tuntutan-tuntutan Hak Selepas Pembubaran Perkahwinan	74
a) Hak Mut'ah (seksyen 56)	75
b) Hak Harta Sepencarian (seksyen 58)	79
c) Hak Hadhanah (seksyen 81)	86
d) Hak Nafkah (seksyen 65)	90
e) Hak Terus Tinggal di Tempat Kediaman Hingga Habis Eddah (seksyen 71)	
Nota Rujukan	95

#### FASAL KEEMPAT

#### ANALISA KES TUNTUTAN-TUNTUTAN HAK SELEPAS PEMBUBARAN PERKAHWINAN DI MAHKAMAH RENDAH SYARIAH KUALA SELANGOR

4.1 Analisa Kes Pembubaran Perkahwinan Mengikut Kawasan	100
4.2 Analisa Kes Tuntutan-tuntutan Hak Selepas Pembubaran Perkahwinan	104
4.3 Analisa Tuntutan Hak daripada Pihak Lelaki dan Perbandingannya dengan Wanita	112
4.4 Keputusan Hakim Bagi Tuntutan-tuntutan Hak Selepas Pembubaran Perkahwinan	115

**FASAL KELIMA**

**KESIMPULAN DAN SARANAN**

5.1 Kesimpulan 119

5.2 Saranan 125

Nota Rujukan 133

BIBLIOGRAFI 134

LAMPIRAN

## DAFTAR STATUT

Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Selangor, 1984

Enakmen Pentadbiran Perundangan Islam Negeri Selangor,  
1989

Undang-undang Keluarga Islam Negeri Selangor, 1984

Perlembagaan Persekutuan

## SENARAI KES

Kes-kes yang dijadikan contoh dalam kajian ini adalah diperolehi daripada Mahkamah Rendah Syariah Kuala Selangor.

Abd. Kahar Ibrahim	lwn	Sariah Basir
Ahmad bin Jaafar	lwn	Shariffah Abd. Talib
Ahmad Hj Mat Hassan	lwn	Malini Hassan
Hasnan Alan	lwn	Siti Rodziah Muniran
Ja'afar bin Sulaiman	lwn	Ardi bt Sibon
Kolin Misnan	lwn	Roslidah Tairi
Mohd Zaini Abd Hamid	lwn	Siti Rodziah Sairi
Mohd Azeman	lwn	Roslina Hussain
Moinah Mohibad	lwn	Abdul Hamid Johari
Norliza Umar	lwn	Ramdan Hamzah
Salbiah Othman	lwn	Rafie Abdullah
Siti Rafeah bt Salim	lwn	Ariffin bin Hassan
Siti Salmah Morsidi	lwn	Tengku Saiful Bahri
Sallehuddin Kolang	lwn	Seriah Masri

Sulastri Badrom

lwn Rosman Arshad

Salina Muhd Yusof

lwn Azmi Hj Mihad

Roberts alias Kamaruzzaman

lwn Umi Kalthum

- 11 M.L.J. 163



## SENARAI PERKATAAN RINGKAS

Abd.	-	Abdul
Dr.	-	Doktor
Ed.	-	Edisi
Hj.	-	Haji
Ibid.	-	Pada tempat yang sama
Jld.	-	Jilid
Op. cit.	-	Dalam karya tersebut
S.A.W.	-	Sallallahu Alaihi Wasallam
S.W.T.	-	Subhanahu wa Ta'ala
Sek.	-	Seksyen
M.S.	-	Muka surat
M.L.J.	-	Malayan Law Journal

# **FASAL PERTAMA**

## **FASAL PERTAMA**

### **1.1 Pendahuluan**

Keluarga ialah satu unit asas dalam masyarakat. Keluarga akan membentuk masyarakat dan seterusnya kepada pembentukan sesebuah negara. Oleh itu, keluargalah yang akan menentukan corak masyarakat dan negara pada masa akan datang melalui pembentukan saksyiah anak-anak pada masa ini. Keluarga yang kucar kacir dan sentiasa bermasalah akan memberikan kesan yang negatif pada masyarakat yang akan datang. Untuk itu, satu alternatif untuk menjamin keharmonian masyarakat akan datang ialah dengan menyediakan pembentukan keluarga yang bahagia sejak awal lagi dengan nilai-nilai yang baik dan memenuhi tuntutan agama. Ekoran daripada itu, diwujudkan kursus perkahwinan bagi setiap pasangan yang ingin membina sebuah keluarga.

Pembentukan sebuah keluarga mempunyai kaitan dengan undang-undang sama ada daripada segi pendaftaran perkahwinan, kebenaran untuk berkahwin dan sebagainya.

Undang-undang yang dijadikan rujukan ialah Undang-undang Keluarga Islam dan segala urusan yang berkaitan dengan kekeluargaan adalah berpandukannya, termasuklah pembubaran perkahwinan dan kesan daripada pembubaran perkahwinan tersebut.

Suatu ketika dahulu, masyarakat menganggap undang-undang keluarga sebagai satu perkara kecil sahaja dan tidak begitu penting. Sebarang masalah yang timbul dalam urusan kekeluargaan akan diselesaikan mengikut hukum syara' tanpa mereka sedari bahawa ia berkaitan dengan Undang-undang Keluarga Islam. Akan tetapi, masyarakat yang sentiasa inginkan perubahan telah mengubah kefahaman mereka. Mereka mula sedar bahawa segala urusan kekeluargaan berkaitan dengan undang-undang lebih-lebih lagi apabila berlaku pembubaran perkahwinan. Mereka terpaksa mengambil kira masalah yang berbangkit daripada pembubaran perkahwinan yang terdapat dalam bidangkuasa undang-undang keluarga Islam seperti penjagaan anak (hadhanah), pembahagian aset daripada perkahwinan, nafkah, mut'ah dan sebagainya.

Setiap masalah yang berbangkit daripada pembubaran perkahwinan khususnya tuntutan-tuntutan hak selepas sesebuah perkahwinan dibubarkan mestilah melalui Undang-undang Keluarga dan melibatkan peruntukan-peruntukan yang ada di dalamnya. Dengan adanya undang-undang keluarga ini pula akan melibatkan bidangkuasa dan campurtangan daripada Mahkamah Syariah yang akan membicarakan kes-kes yang timbul ekoran daripada tuntutan-tuntutan hak tersebut. Dalam menyelesaikan kes-kes ini pula, mahkamah akan bertindak dengan seadil-adilnya untuk memuaskan hati pihak-pihak yang terlibat dan mengelakkan penindasan dan kezaliman terhadap sesuatu pihak daripada berlaku atau terus berlarutan.

Undang-undang Keluarga Islam memberikan hak-hak kepada pihak lelaki dan wanita untuk membuat tuntutan selepas perkahwinan mereka dibubarkan. Ini juga adalah satu bukti bahawa undang-undang keluarga Islam cuba berlaku adil terhadap pihak-pihak yang mempunyai masalah selepas sesuatu ikatan perkahwinan ditamatkan.

## 1.2 Objektif Kajian

Kajian ini dibuat adalah bertujuan untuk mengetahui apakah hak-hak yang biasa dituntut di Mahkamah Syariah selepas berlakunya pembubaran sesuatu ikatan perkahwinan. Di dalam Syariat Islam telah ditetapkan beberapa hak yang boleh dituntut jika berlaku pembubaran perkahwinan. Oleh itu, penulis ingin mengetahui apakah hak-hak yang dituntut di mahkamah selepas pembubaran perkahwinan bersesuaian dengan hak-hak selepas pembubaran perkahwinan di dalam Islam ?

Kajian ini juga dibuat adalah untuk menjawab persoalan yang sering timbul di fikiran penulis berkenaan dengan tuntutan hak yang boleh dipohon oleh pihak lelaki di mahkamah. Kenyataan bahawa pihak lelaki juga membuat tuntutan hak selepas pembubaran perkahwinan adakah satu realiti atau kes-kes tuntutan hak hanya dimonopoli oleh pihak wanita. Sering juga didengar perlindungan terhadap hak wanita jika perkahwinannya dibubarkan, oleh itu apakah tiada perlindungan terhadap hak lelaki untuk membuat tuntutan hak yang sama.

Sekiranya pihak lelaki diberi hak untuk membuat tuntutan, apakah tuntutan hak yang boleh dituntut oleh mereka.

Seterusnya, penulis ingin mengetahui peratus tuntutan-tuntutan hak selepas pembubaran perkahwinan yang dibawa ke Mahkamah Syariah. Apakah kes-kes seperti ini menunjukkan peningkatan dari tahun ke tahun atau semakin kurangnya kes-kes seperti ini. Untuk tujuan ini, penulis telah memilih Mahkamah Rendah Syariah Kuala Selangor sebagai sampel atau contoh untuk kajian penulis.

### 1.3 Latar Belakang Kajian

Kajian yang dibuat adalah berkaitan dengan Undang-undang Keluarga Islam Negeri Selangor, 1984, Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Selangor 1952, Enakmen Pentadbiran Perundangan Islam 1989 dan apa-apa juga statut yang berkaitan.

Kajian juga melibatkan Mahkamah Syariah Negeri Selangor untuk mencari contoh-contoh kes yang berkaitan dengan kajian. Negeri Selangor mempunyai sebuah Mahkamah

Rayuan Syariah di Shah Alam, Mahkamah Tinggi Syariah di Shah Alam dan Mahkamah Rendah Syariah di 11 kawasan yang dikendalikan oleh empat orang hakim, iaitu kawasan Hulu Selangor, Gombak Timur dan Gombak Barat di bawah bidangkuasa Hakim Mahkamah Syariah Gombak Timur. Kawasan daerah Sabak Bernam, Sungai Besar, Tanjung Karang dan daerah Kuala Selangor di bawah bidangkuasa Hakim Mahkamah Syariah Kuala Selangor, kawasan daerah Kuala Langat dan daerah Klang di bawah bidangkuasa Hakim Mahkamah Syariah Kuala Langat, daerah Petaling Jaya dan Shah Alam di bawah bidangkuasa Hakim Mahkamah Syariah Petaling Jaya dan daerah Sepang dan daerah Hulu Langat di bawah bidangkuasa Hakim Mahkamah Syariah Hulu Langat. Untuk tujuan kajian, penulis telah memilih Mahkamah Rendah Syariah Kuala Selangor untuk menganalisa kes-kes mal yang berlaku dan mempunyai kaitan dengan urusan kekeluargaan.

#### **1.4 Pemilihan Tempat Kajian**

Pemilihan tempat kajian di Mahkamah Syariah Daerah Kuala Selangor adalah sebagai satu sampel atau contoh yang mewakili Mahkamah-mahkamah Syariah di negeri